



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 2 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BERAS CUKUP SEHINGGA HUJUNG TAHUN, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	DUA BUDAK ANIAYA KUCING, JPV TERIMA LEBIH 300 ADUAN KEJADIAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S - 19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	HARGA DIESEL NAIK, NELAYAN TURUNKAN HARGA IKAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S - 28	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	AUM LONJAK MUTU PERNIAGAAN USAHAWAN DI WILAYAH UTARA, BISNES, HARIAN METRO, M/S - 27	BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (AGROBANK)
5.	LEBIH 150KG IKAN DALAM SANGKAR MATI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 6	LAIN - LAIN
6.	100 HARI TIADA AIR, 100 PESAWAH TERJEJAS CUACA PANAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Beras cukup sehingga hujung tahun

- **Orang ramai dinasihat elak buat pembelian panik**
- **Beli secara berbehan boleh jejas kestabilan stok**

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA – Bekalan beras negara dijamin mencukupi sekurang-kurangnya sehingga hujung tahun ini, namun orang ramai diingatkan agar tidak melakukan pembelian panik atau menyimpan stok secara berlebihan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, tindakan membeli secara berlebihan boleh menjejaskan kestabilan pasaran dan mempercepatkan kehabisan bekalan sedia ada.

"Jika kebiasaan isi rumah membeli satu beg beras 10 kilogram sebulan, orang ramai tidak seharusnya membeli sehingga

enam bulan mungkin hanya mampu bertahan dua bulan jika berlaku pembelian panik. Apabila bekalan berkurang, harga pula akan meningkat dan golongan berpendapatan rendah paling terkesan," ujarnya.


Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya bertenang dan mengamalkan perbelanjaan secara berhemah bagi memastikan bekalan beras dapat bertahan lebih lama.

Dalam pada itu, jelasnya, negara mempunyai stok penimbal beras yang diurus secara sistematik bagi memastikan bekalan berterusan.

"Setiap kali stok dikeluarkan, ia akan diganti semula dengan stok baharu. Jika kita keluarkan 1,000 tan metrik, kita akan tambah semula jumlah yang sama dalam masa terdekat," jelasnya.

Katanya, mekanisme tersebut memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan terkawal.

"Jadi tidak perlu risau. Yang penting, beli seperti biasa dan elakkan pembelian berlebihan," tambahnya.



NEGARA mempunyai stok penimbal beras yang diurus secara sistematik. – GAMBAR HIASAN

empat beg dalam satu masa. tika menjawab soalan dalam rangkai dengan Bicara Naratif di saluran RTM semalam.

Beliau menjelaskan, gangguan pasaran tidak boleh di-

pandang kerana ia boleh menyebabkan bekalan yang mencukupi menjadi berkurangan dalam tempoh singkat.

"Stok yang boleh bertahan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	19

DUA BUDAK ANIAYA KUCING

JPV terima lebih 300 aduan kejadian

Dungun: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu menerima lebih 300 aduan berhubung kejadian seekor kucing yang dilaporkan dianiaya oleh dua kanak-kanak.

Pengarah JPV Terengganu Dr Anun Man berkata, sehubungan itu, pihaknya akan menyiasat secara menyeluruh kejadian itu yang dipercayai berlaku di daerah Dungun.

“Kami memandang serius perkara ini kerana ia membabitkan perbuatan zalim terhadap haiwan,” katanya semalam.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian diminta tampil menyalurkan maklumat bagi membantu siasatan.

Terdahulu tular di laman sosial sebuah video berdurasi 18 saat yang memaparkan seekor kucing

dianiaya dua kanak-kanak sehingga mengundang kemarahan orang ramai di media sosial.

Video yang tular di media sosial berkenaan menunjukkan seorang kanak-kanak menarik tali yang diikat pada leher kucing manakala seorang lagi kanak-kanak dilihat menyepak dan memukul kepala kucing itu menggunakan selipar.

“Kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)”

Dr Anun

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Harga diesel naik, nelayan turunkan harga ikan

KOTA BHARU: Walaupun harga diesel naik ekoran ketegangan di Asia Barat, golongan nelayan 'berkorban' apabila menurunkan harga jualan hasil laut sebanyak RM1 sekilogram bagi memastikan pengguna tidak terus terbeban.

Langkah luar daripada kebiasaan itu diambil walaupun mereka sendiri berdepan peningkatan kos rantaian bekalan termasuk pengangkutan dan bahan sokongan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Bharu, Nik Mohd. Kamal Husin berkata, keputusan tersebut dibuat bagi mengekang kenaikan harga di peringkat pemborong yang bergantung kepada kenderaan diesel untuk membawa bekalan ke pasaran.

"Jika harga kekal, pemborong mungkin tiada pilihan selain menaikkan harga. Akhirnya pengguna juga yang terkesan."

"Jadi nelayan ambil pendekatan turunkan harga RM1 sekilogram supaya beban itu tidak dipindahkan kepada rakyat," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Nik Mohd. Kamal berkata, walaupun nelayan masih menikmati subsidi diesel untuk operasi menangkap ikan, kos lain seperti air batu blok turut meningkat dan menekan keuntungan mereka.

Katanya, kegagalan menyesuaikan harga boleh menyebabkan lambakan hasil laut selain menjejaskan kuasa beli pengguna dalam keadaan kos sara hidup yang semakin mencabar.

"Kenaikan diesel beri kesan menyeluruh kepada rantaian makanan. Jika tidak dikawal, pengguna berdepan kenaikan harga berganda," ujarnya.

Beliau berharap kerajaan dapat segera menstabilkan harga diesel bagi mengelakkan tekanan berterusan terhadap sektor perikanan dan pengguna.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2026	HARIAN METRO	BISNES	27

AUM lonjak mutu perniagaan usahawan di wilayah utara

Kuala Lumpur: Agrobank terus memperkukuh komitmennya dalam memperkasa sektor agromakanan negara menerusi kejayaan Program Agrobank Upward Migration (AUM) yang menyaksikan lonjakan prestasi perniagaan usahawan di wilayah utara.

Inisiatif yang dikendalikan Agrobank Centre of Excellence (ACE) itu bertujuan memastikan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus berkembang secara mampan, sekali gus menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program berkenaan menjadi platform penting dalam melahirkan usahawan yang berdaya saing dan kompetitif di pasaran terbuka.

“Majlis Aspirasi Kecemerlangan kali ini merayakan pencapaian 51 syarikat dari Pulau Pinang, Kedah dan Perlis yang menunjukkan prestasi luar biasa



TENGGU Ahmad Badli Shah sepanjang mengikuti bimbingan kami,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, keberkesanan program itu terbukti apabila 41 syarikat berjaya mencatatkan peningkatan hasil jualan yang sangat memberangsangkan bagi tahun kewangan 2025.

Jumlah jualan terkumpul syarikat terbabit melonjak kepada RM38.71 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM9.78 juta atau 33.8 peratus berbanding prestasi tahun sebelumnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	6

Lebih 150kg ikan dalam sangkar mati

Kuala Berang: Cuaca panas yang melanda negeri ini turut memberi kesan terhadap sektor penternakan ikan sangkar apabila pulangan terhadap hasil akuakultur mengalami kemerosotan teruk.

Penasihat merangkap Bendahari Kelompok Ternakan Ikan Sangkar Kampung Pantai Ali, Zakaria Ismail, 69, berkata, sebanyak 250 sangkar terdapat di kawasan itu dengan setiap sangkar menempatkan 2,000 anak ikan.

Menurutnya, kebiasaannya setiap sangkar akan mengeluarkan hasil sebanyak 600 kilogram ikan.

“Namun musim kemarau yang melanda menyebabkan pengeluaran ikan terjejas.

“Kebiasaannya 100 hingga 150 kilogram ikan akan mati dalam setiap sangkar apabila berdepan cuaca panas melampau.

“Bulan Mei dan Jun adalah waktu kemuncak penternak ikan sangkar di sini, berdepan jumlah kematian ikan yang banyak susulan suhu panas lebih tinggi.

“Selain berdepan isu kematian ikan akibat cuaca panas, penternak di sini hadapi masalah lumpur dekat sangkar,” katanya.

Menurutnya, lumpur menjelaskan kualiti air dan bekalan oksigen kepada ikan.

“Cuaca panas dan kering seperti sekarang menjurus kepada paras air menjadi cetek dan mengakibatkan lumpur akan timbul lebih lama,” katanya.

Penternak, Mohamad Na'iman Mohd Abdullah, 32, berkata, 30 peratus ikan akan mati apabila tiba musim panas disebabkan pengaruh air dan kekurangan oksigen.



MOHAMAD Na'iman menunjukkan ikan belaan yang mati.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

100 hari tiada air, 100 pesawah terjejas cuaca panas

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulia.com.my

PASIR SALAK: Kira-kira 100 pesawah di sini berdepan masalah ketiadaan bekalan air akibat musim panas yang melanda ketika ini.

Situasi tersebut menjejaskan tanaman padi seluas kira-kira 2,000 hektar yang baru berusia antara 30 hingga 40 hari dan dikhuatiri rosak sekiranya masalah itu berterusan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Sungai Timah, Zohir Jamaludin berkata, tanaman padi berkenaan dijangka hanya mampu bertahan kira-kira seminggu lagi tanpa bekalan air mencukupi.

“Paras air Sungai Perak yang surut menyebabkan pam tidak dapat menyedut air untuk disalurkan ke kawasan sawah berikutan cuaca panas berpanjangan.

“Sehingga kini, hampir 100 hari kawasan terjejas tidak menerima bekalan air. Kami berharap pihak berwajib dapat me-

nyelesaikan masalah ini dengan segera.

“Tanaman padi ketika ini hanya mampu bertahan kira-kira seminggu lagi. Jika bekalan air masih tidak diterima dalam tempoh tersebut, usaha kami akan menjadi sia-sia,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, kekurangan bekalan air turut menyebabkan beberapa kawasan lain tidak dapat memulakan penanaman bagi musim baharu.

Katanya, keadaan sawah yang kering dalam tempoh lama menyebabkan kawasan itu ditumbuhi rumput sambau, manakala benih padi yang dibeli pula berisiko rosak jika disimpan terlalu lama.

“Kami telah membelanjakan ribuan ringgit untuk musim penanaman baharu, namun terjejas teruk akibat masalah bekalan air disebabkan musim kemarau.

“Kami berharap pihak berkaitan dapat menyalurkan bekalan air dari kunci air utama di Teluk Sena ke kawasan sawah kami,” katanya.

PESAWAH menunjukkan kawasan sawah yang terjejas akibat kekurangan bekalan air susulan musim panas di Seberang Perak, dekat Pasir Salak, Perak.
- UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

